

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan keluarga mudah terjejas untuk mendapat sokongan yang secukupnya dari segi pembelajaran atas talian serta akses pada penjagaan anak-anak untuk mereka terus bekerja demi keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil berat tentang kesejahteraan kanak-kanak terutama dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan ini.

Semua pihak sedia maklum bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) secara bersasar yang telah diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) hendaklah dipatuhi oleh semua pihak termasuklah arahan penutupan TASKA. Ekoran dari itu, kanak-kanak tidak lagi menerima aktiviti perkembangan secara *hands on* kerana mereka tidak dapat hadir ke TASKA.

Kementerian ini sentiasa menggalakkan agar ibu bapa dapat bekerjasama dengan pihak TASKA untuk melakukan aktiviti-aktiviti sihat bersama anak-anak di rumah. Begitu juga para pengusaha dan pengasuh

TASKA, perlu mempunyai inisiatif yang kreatif untuk melaksanakan aktiviti bersama anak-anak asuhan TASKA mereka melalui pelbagai aplikasi seperti *Google Classroom*, *Zoom Meeting*, *WhatsApp* dan lain-lain agar anak-anak ini terus mendapat pengisian masa yang berkualiti.

Bagi memastikan ibu bapa dapat akses kepada perkhidmatan pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak untuk mereka dapat terus bekerja demi keluarga, ibu bapa mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan pengasuhan di rumah. Walau bagaimanapun, kementerian ini menyeru agar ibu bapa yang ingin menghantar anak ke rumah pengasuh bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengenal pasti dan membuat kajian terhadap latar belakang pengasuh yang akan menjaga anak mereka dengan membuat semakan di sistem ezi2Care untuk memastikan kelayakan pengasuh berdaftar.

Selain itu, ibu bapa disarankan untuk membuat semakan latar belakang pengasuh menggunakan senarai semak Panduan Pemilihan Pengasuh di Rumah yang disediakan oleh Kementerian ini di laman sesawang JKM.

Ibu bapa juga boleh mengambil langkah-langkah berikut bagi menjamin keselamatan anak-anak mereka semasa dalam jagaan pengasuh:

- i. sentiasa mengadakan lawatan mengejut ke rumah pengasuh, terutama pada mula anak dihantar ke rumah pengasuh;
- ii. ibu bapa berjaga-jaga dengan perubahan reaksi anak semasa dihantar ke rumah pengasuh;
- iii. memeriksa seluruh badan anak setiap hari untuk mengelakkan penderaan fizikal;
- iv. mempunyai hubungan yang baik dengan pengasuh sama ada pengasuh di rumah atau di TASKA dan sering bertanya kepada pengasuh tentang kanak-kanak; dan
- v. memastikan pengasuh menyimpan nombor kecemasan untuk dihubungi serta menghubungi ibu bapa dengan segera sekiranya berlaku apa-apa kemalangan ke atas kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.